

29/07/1997

MB Perak kaji nama Exco MIC

IPOH, Isnin - Kerajaan Perak dijangka membuat keputusan memilih satu daripada tiga calon Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan (Exco) negeri yang dikemukakan oleh MIC dalam tempoh sebulan dua ini.

Menteri Besar, Tan Sri Ramli Ngah Talib, berkata kerajaan perlu mematuhi banyak prosedur pelantikan.

"MIC mengemukakan tiga nama kepada saya dan saya memerlukan sedikit masa untuk memilih mereka yang layak," katanya di sini, hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu yang dilaporkan berkata, parti itu sudah mengemukakan tiga nama kepada Menteri Besar untuk dilantik sebagai Exco di negeri ini.

Ketika ini, Selangor, Kedah, Pulau Pinang and Negeri Sembilan sudah mempunyai Exco yang diwakili MIC berikutan pindaan terhadap undang-undang tubuh kerajaan negeri terbabit bagi membolehkan keanggotaan berkenaan ditambah.

Menurut Samy Vellu, Menteri Besar akan mengumumkan nama terbabit selepas perbincangan dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Tiga calon yang dikemukakan itu ialah Ketua Pemuda MIC, M Muthiah, yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) kawasan Pasir Panjang; Naib Pengerusi MIC Perak, G Rajoo, yang juga Adun Hutan Melintang dan Ketua Penerangan MIC negeri, S Veerasingam, juga Adun Sungai.

(END)